

Umno
tetap
parti
terulung:
Mahathir

9 MAY 1989

KUALA LUMPUR, Isnin — Nasib bangsa, agama dan negara orang Melayu akan terus terpelihara selagi Umno berjuang untuk mereka dan mendapat sokongan kukuh daripada mereka, kata Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, dengan jumlah ahli terbesar dan kian bertambah bagi sesebuah parti politik, Umno adalah parti politik yang terulung di Malaysia pada hari ini dan pada masa akan datang.

Perdana Menteri berkata demikian dalam kata-kata aluan dalam buku cenderamata sempena perhimpunan ulang tahun ke-43 Umno di Istana Besar Johor Bahru pada Rabu dan Khamis ini.

Beliau berkata Umno memang tidak sunyi daripada pelbagai dugaan tetapi berkat doa dan sokongan ahli yang mencintainya, semua dugaan, baik yang kecil mahupun yang besar, berjaya diatasi.

Katanya, kelahiran Umno 43 tahun dahulu adalah atas kesedaran kaum Melayu untuk bersatu tenaga menentang penjajah dan rancangan Malayan Union serta untuk mencapai kemerdekaan tanahair.

"Perpaduan orang Melayu pada ketika itu dalam memperjuangkan hak dan kepentingan agama, bangsa dan tanahair telah memberi kekuatan dan perangsang yang begitu bersemangat kepada orang Melayu sehingga sanggup berkorban apa sahaja demi mencapai cita-cita murni yang diidam-idamkan.

"Semangat gigih itu telah memudahkan segala pengorbanan. Dan kejayaan yang dikecapi menjadi milik kita semua. Demikianlah berkatnya bagi orang Melayu," katanva.